

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA PEM-  
BUKAAN RESMI BANGUNAN MIC JOHOR  
BAHRU, DI JALAN SUNGAI SEGGET,  
JOHOR BAHRU, PADA HARI JUMAAT  
5HB. MEI, 1978 - JAM 3.30PETANG.

1. YAB Menteri Besar Johor, Dato Tan Sri Haji Othman bin Saat, merangkap Pengerusi Barisan Nasional Negeri,
2. YB Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam, merangkap presiden MIC,
3. Ketua-Ketua Parti Anggota Barisan Nasional Negeri Johor,
4. Pemimpin-pemimpin MIC,
5. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Siapnya bangunan MIC di Ibu Negeri Johor ini, jelaslah bukti zahir perpaduan di kalangan tiga parti politik yang terbesar di tanah air. UMNO, MCA dan MIC, yang merupakan

asas dan pelupur PERIKATAN, serta teras dan benteng Barisan Nasional, beribu pejabat dalam satu kawasan yang sama, Saya mengucapkan tahniah kepada Dato Tan Sri Haji Othman Saat, di atas langkah yang bijak lagi yang berpandangan jauh itu.

2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada MIC, di atas kejayaannya membina sebuah bangunan yang tinggi dan indah. Saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan berbanyak terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada MIC, khusus kepada Presidennya, kerana memberi penghormatan

kepada saya meresmikan pembukaan bangunan barunya petang ini.

3. Di samping dapat menyediakan kemudahan tempat dan peiabat kepada mereka yang memerlukannya, bangunan MIC ini, bukan sahaja merupakan satu sumber hasil tetap kepada parti ini, bahkan bangunan baru ini

akan rnenjadi nadi kegiatan parti dan ahli MIC diseluruh Negeri Johor. Usaha gigeah Presiden

MIC membina bangunan-bangunannya sendiri di beberapa buah negeri yang lain, amatlah menggalakkan.

4. Kejayaan pucuk pimpinan MIC mengukuhkan kedudukan dan kekuatan partinya, serta menambah bilangan ahlinya, patutlah juga diberi pujian.

Usaha-usaha MIC melaksanakan beberapa projek ekonomi, dan penyertaan ahli-ahli parti dalam kegiatan ekonomi negara, telah banyak mendatangkan faedah dan kesan kepada parti dan juga masyarakat kaum India. Kesemuanya ini, adalah petanda baik, terhadap masa depan yang lebih terjamin, bagi MIC dan rakyat keturunan India seluruhnya.

5. Memanglah tidak boleh dinafikan, bahawa Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi

Baru, telah juga dapat dinikmati oleh rakyat keturunan India. Sesungguhnya, semua rancangan-rancangan pembangunan, dasar-dasar dan progrem-progrem yang dilaksanakan oleh Kerajaan, bertujuan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat dan kaum di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk rakyat. Ia bukanlah dirancang dan dilaksanakan untuk sesuatu golongan atau satu lapisan masyarakat. Dasar Ekonomi Baru

juga bertujuan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat semua kaum, dan bukanlah dikhas atau dimaksudkan untuk satu-satu kaum sahaja.

Demikianlah juga dengan hasrat Kerajaan hendak menyusun semula masyarakat. Matalamatnya, ialah meningkatkan kemajuan sosio-ekonomi semua kaum, sarta mengimbangkan kedudukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

7. Inilah proses yang mesti kita lakukan bagi mengukuhkan perpaduan negara.

Malaysia merupakan sebuah negara dalam pembinaan. Usaha dan perancangan kita hendaklah ditumpu

dan ditujukan kearah penyatuan kerjasama dan persefahaman. Masalah yang timbul, janganlah hendaknya menjadi halangan kepada pencapaian matalamat dan cita-cita suci ini, iaitu Perpaduan Negara.

8. Inilah matalamat jangka panjang kita, yang mesti dipelupuri oleh setiap rakyat dan penduduk yang cintakan tanah airnya.

Kita mestilah menghargai serta menjunjung tinggi, usaha-usaha pemimpin-pemimpin yang terdahulu dari kita, yang telah meletakkan asas yang kukuh, bagi menjamin perpaduan

yang kekal di kalangan rakyat berbilang kaum.

9. Tugas dihadapan kita adalah besar dan berat, bukan sahaja bagi memelihara dan mengekalkan perpaduan, bahkan, dan yang lebih penting lagi, menjamin kestabilan politik dan keselamatan. Setiap rakyat, tidak kira apa keturunan- Melayu, China atau India - mempunyai peranan, kewajipan dan tanggungjawab yang sama. Kita telah sama-sama memperjuangkan Kemerdekaan tanah air kita, sama-sama mengisi kemerdekaan ini, dan berjaya bersama-sama membawa kesan yang lebih bermakna kepada

kemerdekaan yang telah kita perolehi itu.

Sewajarnya kita terus bersama-sama mempertahankan kedaulatan, maruah dan keperibadian negara kita ini.

10. Kita mestilah ingat, bahawa kejayaan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang makmur, progresif dan bersatu-padu, bukanlah bergantung kepada usaha-usaha Kerajaan semata-mata. Kejayaan ini hanya dapat diperolehi dari hasil tenaga dan kerjasama rakyat jelata, tidak kira apa keturunan, kebudayaan atau ugama.

Kerajaan hanyalah dapat memberi bimbingan dan

panduan, menerusi dasar-dasar yang dilaksanakan, dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Rakyat jelatah yang mesti menjayakannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Perpaduan dan persefahaman yang terjalin tulin, yang ditunjukkan oleh Negeri Johor, di bawah pimpinan Dato Tan Sri Haji Othman Saat, merupakan contoh yang cemerlang. Saya mendoakan supaya semangat ini kekal abadi.

12. Sava harap.semua pihak akan sentiasa menghargai usaha-usaha yang telah dijalankan

di Negeri Johor ini, bagi mengekal dan memelihara perpaduan di kalangan tiga, parti ini. Lebih-lebih lagi MIC, sempena pembinaan bangunan ini, serta menjelang pilihanraya yang akan datang. Janganlah melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan perpaduan yang telah terjalin selama ini. Peliharalah dan kukuhkanlah perpaduan ini.

13. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada MIC di atas penghormatan ini.

Semuga TUHAN memberi perlindungan kepada setiap makhlok yang menggunakan bangunan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

15. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, meresmikan bangunan MIC Johor ini.

Terima kasih.



No. Siri ..... 364 .....  
No. Penerimaan ..... 154/80 .....